



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 14/6/2021 | MUKA SURAT | : | 32 |
| JABATAN | : | JP NEGERI PAHANG | | | |

RM250,000 pulihkan Tasik Chini

JPNP tanam pokok di zon penanaman lombong

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Kerajaan Pahang mempergiat usaha memulihkan kawasan lombong dengan memperuntukkan RM250,000 melalui Kumpulan Wang Pemulihan Lombong.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, usaha itu dilaksanakan terutamanya di kawasan zon penanaman di atas tanah seluas kira-kira 13 hektar di

kawasan Tasik Chini, Pekan.

Menurutnya, pemulihan itu dilakukan menerusi penanaman pelbagai spesies buluh, tanaman tutup bumi dan spesies komersial bernilai tinggi yang beresuaian seperti pokok merawan siput jantan serta meranti temak nipis.

"Pemantauan secara berterusan terhadap aktiviti pemulihan di kawasan lombong di Tasik Chini sedang giat dilakukan.

"Malahan, aktiviti pemulihan di kawasan ceroboh lombong di Tasik Chini seluas 0.45 hektar juga telah dilaksanakan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mohd Hizamri berkata, pihaknya turut mempertingkatkan kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan pihak pemegang pajakan dan operator lombong di situ.

Tambahnya, sejak 2019 tiada kelulusan untuk sebarang aktiviti perlombongan baharu di kawasan berkenaan yang dibenarkan oleh mana-mana pihak.

"JPNP bersama Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak operator lombong dalam memberikan khidmat nasihat teknikal tentang kepentingan dan keperluan pemulihan setiap kawasan pajakan lombong.

"Namun, tindakan tegas akan diambil dengan memberhentikan operasi lombong serta merta ke atas pemegang pajakan atau operator lombong di kawasan Tasik Chini, jika ada ketidakpatuhan kepada syarat-



MOHD HIZAMRI

syarat kelulusan aktiviti perlombongan.

"Selain itu, tindakan penguatkuasaan dan pemulihan segera terhadap sebarang aktiviti pencerobohan baharu di kawasan lombong turut dilaksanakan," ujarnya.

Sehubungan itu, Mohd Hizamri

menjelaskan, pihaknya melancarkan Kempen '1 Pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang' yang menyasarkan penanaman pokok sebanyak lima juta batang pada tahun ini.

Katanya, pokok yang ditanam di Chini akan direkodkan melalui kempen '1 Pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang' sekaligus menyokong dan menjayakan Program Penghijauan Malaysia yang menyasarkan tanam-

an sehingga 100 juta pokok menjelang 2025.

Sementara itu, beliau menambah, sebagai perancangan pemulihan jangka masa panjang Tasik Chini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersejua meluluskan kawasan rizab taman negeri seluas 4,497 hektar untuk dijadikan sebagai Hutan Simpan Chini mengikut Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984.

Tegasnya, bagi merealisasikan usaha penghutan semula, kira-kira RM10 juta akan diperuntukkan daripada pelbagai sumber, untuk memulihkan kawasan seluas kira-kira 202 hektar (500 ekar).

"Kami mencadangkan Hutan Simpan Chini akan diwartakan di bawah kategori hutan perlindungan di bawah Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.